

## Mencintai Sahabat Nabi

Daripada al-Bara' bin Azib RA, daripada Nabi SAW bahawasanya Baginda bersabda memuji kaum Ansar:

لَا يُحِبُّهُمْ إِلَّا مُؤْمِنٌ، وَلَا يُبْغِضُهُمْ إِلَّا مُنَافِقٌ، فَمَنْ أَحَبَّهُمْ أَحَبَّهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَبْغَضَهُمْ  
أَبْغَضَهُ اللَّهُ

**Maksudnya:** “Tidaklah mengasihi mereka kecuali yang beriman dan tidaklah membenci mereka kecuali munafik. Siapa yang mengasihi mereka nescaya Allah mengasihinya dan siapa yang membenci mereka nescaya Allah murka ke atasnya.”

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Sahih* (7/ 141) no. (3783)  
dan Muslim dalam *al-Sahih* (1/ 85) no. (75)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Sahabat mengikut pengertian bahasa: *Sad* (ص) berbaris atas (الصَّحَابَة) dan berbaris bawah (الصَّحَابَة) adalah kata terbitan (pecahan) daripada al-Suhbah (الصُّحْبَة) – dengan baris hadapan.
2. Al-Jauhari berkata: Setiap sesuatu yang melazimi sesuatu, maka sesungguhnya ia menjadi sahabat.
3. Al-Fairuz Abadi berkata: (استصحابه) iaitu mengajak kepada persahabatan dan melaziminya.
4. Al-Qadi Abu Bakar Muhammad bin al-Tayyib al-Baqillani berkata: Dikatakan

perkataan sahabi daripada perkataan *subbah* dan bukanlah diambil sebahagian daripadanya secara khusus, bahkan itu berlaku kepada setiap mereka yang bersahabat dengan yang lainnya sekejap atau lebih lama, maka ia termasuk dalam nama bersahabat dengan tempoh yang sedikit atau lebih lama.

5. Menurut definisi ahli hadis, terdapat perbezaan pendapat yang ketara, antaranya apa yang disebut oleh al-Bukhari: Siapa yang bersahabat dengan Nabi SAW atau melihatnya daripada kalangan orang Islam, maka ia dikira daripada kalangan sahabatnya.
6. Diriwayatkan oleh al-Khatib dengan sanadnya kepada Abdus bin Malik al-Attar katanya: Aku mendengar Abu Abdillah Ahmad bin Hanbal, ketika beliau menyentuh mengenai sahabat ahli Badar dari kalangan sahabat-sahabat Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda: Sebaik-baik manusia selepas mereka ialah kurun yang dibangkit pada mereka setiap yang bersahabat dengannya, sama ada satu tahun atau sebulan atau sehari atau sewaktu sahaja atau orang yang melihat Baginda, justeru ia termasuk di kalangan sahabatnya daripada persahabatan mengikut kadarnya. Dan adalah yang terdahulu bersama Rasulullah SAW, mendengar daripadanya dan melihat kepadanya.
7. Ali bin al-Madini berkata: Siapa yang bersahabat dengan Nabi SAW atau melihatnya walaupun seketika sahaja, sebenarnya ia termasuk di kalangan sahabat Nabi SAW.
8. Diriwayatkan oleh al-Khatib dengan *isnadh*nya kepada Said bin al-Musayyib katanya: Kami tidak mengira seseorang sebagai sahabat yang bersama Rasulullah SAW setahun atau dua tahun dan berperang bersamanya sekali atau dua kali. Aku berkata: Dan pada *sanad*nya yang disandarkan kepada Said bin al-Musayyib terdapat Muhammad bin Umar al-Waqidi di mana hadisnya adalah *matruk*. Ibn Hajar berkata selepas *menaqalkan* pendapat ini, pegangan ramai bertentangan dengan pendapat ini kerana mereka bersepakat memasukkan ke dalam kelompok sahabat sekalipun tidak bersama dengan Nabi SAW kecuali pada masa haji *wada'* sahaja.
9. Al-Waqidi berkata: Kami mendapati ahli ilmu berpendapat: Setiap orang yang melihat Rasulullah SAW ketika sudah baligh kemudian masuk Islam dan memahami urusan agama serta reda dengannya, maka dia disisi kami dikira dari kalangan mereka yang bersahabat dengan Rasulullah SAW walaupun hanya seketika sahaja. Tetapi kedudukan mereka berbeza-beza berdasarkan dahulu atau kemudian mereka memeluk agama Islam.

10. Abu Hamid al-Ghazali berkata: Tidak boleh dianggap sahabat kecuali mereka yang bersahabat dengan baginda, kemudian memadai dari segi bahasa untuk dianggap sahabat apabila berlakunya persahabatan walaupun seketika. Akan tetapi pada adat kebiasaan, sahabat adalah khusus kepada orang yang lama bersahabat.
11. Adapun Abu Nu'aim, beliau menyebut di dalam muqadimah kitabnya *al-Ma'rifah*: Sahabat ialah orang yang thabit meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW atau mempunyai persahabatan dengan Baginda dan diberi sesuatu tugas secara perlantikan. Pada penutup beliau berkata: Siapa yang diketahui persahabatan dengan Nabi SAW atau meriwayatkan daripadanya, atau melihatnya daripada kalangan lelaki dan perempuan.
12. Ini sedikit sahaja daripada pendapat yang banyak disebut. Dan pendapat yang lebih utama dalam definisi sahabat pada pandanganku ialah apa yang diutarakan oleh Ibn Hajar Rahimahullah dalam kitabnya *al-Isabah*, bahawa definisi sahabat ialah, siapa yang sempat bertemu Nabi SAW, lalu beriman dengannya dan mati dalam Islam. Ini termasuk siapa yang bertemu dengannya, sama ada lama masa pergaulannya atau sekejap, siapa yang meriwayatkan daripadanya atau tidak, siapa yang berperang bersamanya atau tidak, siapa yang melihatnya sekali walaupun tidak bersamanya dalam majlis, siapa yang tidak melihatnya kerana sesuatu halangan seperti buta.
13. Dengan syarat iman, terkeluarlah siapa yang bertemunya dalam keadaan kafir, walaupun dia memeluk Islam selepas itu dan tidak bertemu dengannya sekali lagi. Pendapat perkataan *dengannya* – mengeluarkan siapa yang bertemunya dalam keadaan beriman dengan yang lain seperti siapa yang bertemunya daripada kalangan orang yang beriman dari Ahli Kitab sebelum baginda dibangkitkan. Dan perkataan *beriman dengannya* bermaksud setiap mukallaf daripada jin dan manusia.
14. Perkataan *dan mati atas Islam* – mengeluarkan siapa yang bertemunya dalam keadaan beriman dengannya, kemudian murtad dan mati dalam kemurtadannya **والعياذ بالله** dan termasuk padanya siapa yang murtad dan kembali kepada Islam sebelum meninggal, sama ada beliau telah bersama dengan Nabi SAW sekali lagi atau tidak. Inilah yang sah lagi muktamad. Oleh itu, sahabat mempunyai terlalu banyak keistimewaan, antaranya:
  - i. Allah meredai mereka dan mereka meredai Allah.
  - ii. Mereka adalah sebaik-baik kurun.

- iii. Mereka adalah pembawa sunnah Rasulullah SAW serta penyampai risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Sayidina Ali RA berkata:** Ajarlah anak-anakmu tiga perkara:
  - i. Cintakan Nabi SAW.
  - ii. Cintakan keluarganya.
  - iii. Membaca al-Quran.
  
- ❖ **Abdullah Nasih Ulwan berkata:** Anak-anak hendaklah mengetahui bahawa kita tidak berbangga dengan sejarah Abu Jahal, Abu Lahab dan Ubay bin Khalaf, tetapi kita berbangga dengan sejarah Rasulullah SAW dan Umar.

### Kisah Teladan

Oleh kerana mencintai sahabat Rasulullah SAW merupakan perkara yang dituntut begitu juga dengan membencinya serta menghina boleh membawa malapetaka dan musibah. Disebut dua kisah di sini iaitu:

#### Kisah Pertama

Di antara kisah yang menarik dari Saad ini, iaitu bahawa seorang lelaki yang mengatakan sesuatu yang tidak benar mengenainya. Dia berkata bahawa Saad ini tidak menghukum dengan adil, dia juga tidak berlaku adil terhadap rakyatnya dan tidak ikut dalam pasukan perang yang dikirimnya. Maka beliau berdoa ke atasnya: *“Sekiranya dia berbohong, semoga Allah memanjangkan umurnya dan menyimpannya dengan pelbagai fitnah, sehingga dua alis mata orang tua itu jatuh ke matanya.”* Dia juga selalu menghadang wanita-wanita di jalan-jalan kota Kufah

seraya berkata: “*Saya orang tua yang mendapat ujian kerana terkena sumpah Saad.*”

### Kisah Kedua

Ada Seorang lelaki datang dan mencela Ali bin Talib tatkala dia berada di sebelah Saad bin Waqqas, maka dia berkata: “*Jangan kamu mencela saudaraku.*” Lantas dia pun berdoa: “*Ya Allah, peliharalah kami daripada kejahatannya dengan cara apa sahaja yang Engkau kehendaki.*” Lalu ada seekor unta yang berjalan dari Kufah dan orang-orang terlambat darinya, lalu dia menghampiri lelaki tadi dan menendang dengan kedua-dua kakinya hingga ia mati. Kisahnya ada diceritakan oleh al-Zahabi di dalam *Siyar A'iam al-Nubala'*.

